

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## **TAWAF IFADHAH JEMAAH HAJI WANITA YANG DALAM KEADAAN HAID<sup>1</sup>**

Oleh:

**Hajah Noraini Binti Haji Buntar**  
Pegawai Istinbat Kanan  
Jabatan Mufti Kerajaan  
Negara Brunei Darussalam

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَّعَاهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ ، رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي ، الْكَلَّهُمَّ هِدَايَةً لِلصَّوَابِ، أَمَّا بَعْدُ

### **1. Mukadimah**

Haid merupakan suatu anugerah yang dikurniakan Allah *Ta ‘ala* kepada kaum wanita. Waktu kedatangannya tidak dapat dipastikan, namun pada kebiasaannya setiap perempuan akan mengalami haid pada setiap bulan dengan teratur.

Walau bagaimanapun kedatangan dan pengalaman haid antara seorang perempuan dengan perempuan yang lain adalah berbeza. Perbezaan ini adalah kerana beberapa faktor yang mempengaruhi keadaan haid mereka. Faktor-faktor tersebut ialah dari segi fizikal, emosi, persekitaran dan sebagainya.

---

<sup>1</sup> Dibentangkan dalam Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji bagi Musim Haji Tahun 1441H/2020M pada 11hb Februari 2020 /17 Jamadilakhir 1441.

Disebabkan faktor-faktor sedemikian, kedatangan dan pengalaman haid bagi setiap perempuan itu ada berbagai-bagai keadaan, iaitu ada yang mempunyai tempoh haid yang pendek, ada yang mempunyai warna haid yang kuat, ada yang mengalami sakit perut ketika haid dan sebagainya.

Isu haid ketika dalam ihram haji merupakan perkara yang sering timbul dan menjadi persoalan bagi kaum wanita yang menghadapinya. Ini adalah kerana kadang-kadang haid tersebut datang pada waktu yang tidak diduga atau kitaran keluar haid tersebut tetap sama seperti bulan sebelumnya, walaupun segala persediaan telahpun dilakukan dengan teratur untuk menahannya keluar seperti mengambil ubat penahan haid. Ini mungkin disebabkan oleh keadaan perubahan cuaca atau keadaan tekanan emosi atau fizikal yang secara langsung menganggu sistem biologi badan sehingga menyebabkan hormon seseorang wanita itu menjadi tidak menentu.

Apabila haid datang ketika hendak melaksanakan tawaf *ifadhah*, maka ia akan memberi kesan dalam penyempurnaan ibadat haji. Tawaf *ifadhah*, seperti tawaf-tawaf yang lain mempunyai syarat-syarat yang wajib dipatuhi supaya tawaf yang dilakukan itu dihukumkan sah menurut syara'. Antara syarat tawaf itu hendaklah suci daripada hadats (kecil dan besar) dan najis.

Maka dalam hal ini, wanita yang dalam keadaan haid adalah dilarang melakukan tawaf *ifadhah* kerana termasuk dalam kategori berhadats. Apabila tawaf *ifadhah* belum ditunaikan, maka ibadat haji juga belum selesai disempurnakan kerana tawaf *ifadhah* merupakan salah satu rukun dalam ibadat haji. Persoalan yang timbul di sini ialah bagaimana cara untuk melakukan tawaf *ifadhah* bagi menyempurnakan ibadah haji wanita yang dalam keadaan haid dan terpaksa pulang ke tanah air?

Insya Allah, perbincangan kertas kerja ini akan memfokuskan kepada pendapat-pendapat para ulama mengenai cara pelaksanaan tawaf *ifadhah* bagi wanita yang mengalami isu haid untuk dijadikan sandaran sebagai jalan keluar yang baik dan selamat dalam memastikan ibadat haji wanita yang dalam keadaan haid itu dapat diselesaikan dengan mudah dan lancar.

## 2. Takrif

### 2.1 Tawaf *Ifadhah*

Tawaf dari segi bahasa bermaksud melakukan pusingan di sekeliling sesuatu. Manakala menurut istilah pula, melakukan pusingan di sekeliling al-Bayt al-Haram (Ka'bah).<sup>2</sup>

Tawaf *ifadhah* yang dikenali juga dengan nama tawaf *ziarah*, tawaf *fardh*, tawaf *rukun* dan tawaf *shadar* adalah rukun ketiga daripada rukun-rukun haji. Tawaf *ifadhah* dilakukan selepas wukuf di Arafah dan setelah berlalu setengah malam 10 Zulhijjah.<sup>3</sup>

Firman Allah Ta‘ala:<sup>4</sup>

وَلِيَطْوَّفُوا بِالْبَيْتِ الْعَتِيقِ

**Tafsirnya:** *Dan melakukan tawaf di Baitul ‘atiq (Ka‘bah).*

### 2.2 Haid

Haid dari segi bahasa bermaksud mengalir atau banjir. Umpamanya, seseorang mengatakan lembah itu haid apabila air yang ada di situ mengalir.<sup>5</sup>

Manakala haid dari segi syara‘, menurut al-‘Allamah Abu Bakar bin Muhammad Syaththa ad-Dimyathi al-Bakri Rahimahullah, ialah darah yang

---

<sup>2</sup> Mawsu‘ah al-Fiqhiyyah: 29/120.

<sup>3</sup> al-Majmu‘, 8/15 & al-Mu‘tamad: 2/343.

<sup>4</sup> Surah al-Hajj, 22/ 29.

<sup>5</sup> Hasyiyah I‘anah ath-Thalibin: 1/117.

keluar mengalir dari hujung rahim seorang perempuan pada waktu-waktu yang tertentu.<sup>6</sup>

Manakala menurut asy-Syeikh Muhammad al-Khathib asy-Syarbini pula, haid ialah darah semulajadi yang selamat, keluar mengalir dari hujung rahim seorang perempuan setelah baligh dalam keadaan sihat tanpa ada sebab dan ia keluar pada waktu yang ditentukan.<sup>7</sup>

Diriwayatkan daripada ‘Aisyah *Radhiallahu ‘anha*, Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:<sup>8</sup>

هَذَا شَيْءٌ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَى بَنَاتِ آدَمَ

**Maksudnya:** *Ini (haid) adalah suatu ketetapan yang diberikan Allah ke atas perempuan keturunan anak Adam.*

Daripada pengertian di atas, dapat difahami bahawa haid ialah darah semulajadi yang keluar daripada rahim seorang perempuan tanpa disebabkan oleh sesuatu dan ia keluar pada waktu yang tertentu.

### **3. Tempoh Waktu Haid**

Adapun tempoh minima keluar haid ialah sehari semalam iaitu dua puluh empat jam secara berterusan. Manakala tempoh maksima keluar haid ialah selama 15 hari dan 15 malam. Pada kebiasaannya pula, haid hanya keluar selama enam atau tujuh hari sahaja.<sup>9</sup>

---

<sup>6</sup> Ibid.

<sup>7</sup> Mughni al-Muhtaj: 1/277.

<sup>8</sup> Sahih Al-Bukhari, Kitab Al-Haid, Bab Kaifa Kana Bad’u Al-Haid, No. 1.

<sup>9</sup> Hawâysi asy-Syarwâni wa Ibn Qâsim al-‘Abâdi ‘ala Tuhfah al-Muhtaj bi Syarh al-Minhaj: 1/452 & Nihayah al-Muhtaj. 1/325-326.

Ini berdasarkan kepada hadis Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* kepada Hamnah binti Jahshy Radhiallahu ‘anha, Baginda *Shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

فَتَحِيَّضِي سِتَّةَ أَيَّامٍ أَوْ سَبْعَةَ أَيَّامٍ فِي عِلْمِ اللَّهِ تَعَالَى ذِكْرُهُ، ثُمَّ اغْتَسِلِي حَتَّى إِذَا رَأَيْتِ أَنَّكِ  
قَدْ طَهُرْتِ وَاسْتَنْقَاتِ فَصَلِّي...<sup>10</sup>

**Maksudnya:** *Maka engkau dalam keadaan haid selama enam atau tujuh hari menurut ilmu Allah Ta ‘ala. Kemudian mandilah apabila engkau melihat ia telah suci dan bersih (dari haid), maka dirikanlah sembahyang....*

Berikut adalah jadual tempoh waktu haid:

| Tempoh Waktu Haid |                         |
|-------------------|-------------------------|
| Tempoh minima     | Sehari semalam (24 jam) |
| Tempoh kebiasaan  | 6 atau 7 hari           |
| Tempoh maksima    | 15 hari 15 malam        |

Oleh itu, darah yang keluar kurang daripada tempoh minima waktu haid atau lebih daripada tempoh maksimanya bukanlah dikira haid tetapi istihadah.<sup>11</sup>

---

<sup>10</sup> Sunan Abu Daud, Kitab ath-Thaharah, Bab Man Qala: Idza Aqbalatil Haidathi Tada‘ Ash-Shalah, no.287.

<sup>11</sup> Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh: 1/ 459.

#### **4. Tempoh Waktu Suci**

Sebagaimana yang disebutkan dalam kitab-kitab fiqh asy-Syafi'i,<sup>12</sup> tempoh minima waktu suci di antara dua haid ialah 15 hari dan 15 malam. Jika darah keluar dalam tempoh minima waktu suci, maka darah tersebut bukanlah dikira haid.

Mengikut kebiasaan pula, tempoh waktu suci dalam masa sebulan itu ialah 23 atau 24 hari kerana tempoh kebiasaan waktu haid ialah 6 atau 7 hari.

Manakala tempoh maksima waktu suci di antara dua haid itu adalah tidak terhad kerana terdapat perempuan yang hanya didatangi haid sekali sahaja seumur hidup dan ada pula tidak pernah didatangi haid dalam seumur hidupnya.

Di bawah ini adalah jadual bagi tempoh waktu suci:

| <b>Tempoh Waktu Suci</b> |                  |
|--------------------------|------------------|
| Tempoh minima            | 15 hari 15 malam |
| Tempoh kebiasaan         | 23 atau 24 hari  |
| Tempoh Maksima           | Tiada had        |

---

<sup>12</sup> Mughni al-Muhtaj: 1/278 & Hawâsyi asy-Syarwâni wa Ibn Qâsim al-'Abâdi 'ala Tuhfah al-Muhtaj bi Syarh al-Minhaj: 1/452 & Nihayah al-Muhtaj. 1/326.

## 5. Keadaan Keluar Haid

Keadaan darah perempuan haid itu ada kalanya keluar secara berterusan dan ada kalanya keluar secara terputus-putus / terhenti-henti yakni ada waktu darah keluar dan ada waktu darah berhenti mengalir kemudian keluar lagi. Dalam hal ini, beberapa ulama ada menyebutkan bahawa darah yang keluar secara terputus-putus itu terbahagi kepada dua keadaan, iaitu:<sup>13</sup>

1. Keadaan *al-Fatrah*: Darah berhenti mengalir tetapi masih ada kesan darah; seumpama jika dimasukkan kapas ke dalam faraj, maka akan terdapat kekotoran (kesan darah). Jika *al-fatrah* berlaku dalam pertengahan darah haid mengalir keluar, ia masih dianggap sebagai haid secara pasti.
2. Keadaan *an-Naqâ'*. Darah berhenti mengalir dan jika dimasukkan kapas ke dalam faraj, maka kapas itu akan kekal bersih (tiada kesan darah). Jika pada tempoh minima haid (sehari semalam iaitu 24 jam) atau sehingga tempoh maksima haid (15 hari 15 malam) ada berlaku *an-naqâ'* (darah berhenti mengalir dan tiada kesan darah) pada pertengahan darah haid tersebut keluar, maka adakah *an-naqâ'* tersebut dikira sebagai haid atau suci?

Dalam hal ini, menurut mazhab asy-Syafi'i ada dua pendapat:<sup>14</sup>

### Pendapat Pertama:

Pendapat *al-Azhhar* (pendapat yang rajih daripada dua atau lebih daripada pendapat Imam asy-Syafi'i) ialah *an-naqâ'* (darah berhenti mengalir dan tiada kesan darah) yang berlaku dalam pertengahan darah haid keluar itu adalah dikira haid. Pendapat ini dinamakan sebagai *qaul as-sahb*.

Untuk menghukumkan *an-naqâ'* yang berlaku dalam pertengahan darah haid keluar itu sebagai haid adalah dengan syarat-syarat berikut:

---

<sup>13</sup> Nihayah al-Muhtaj: 1/356 & Mughni al-Muhtaj: 1/294.

<sup>14</sup> Mughni al-Muhtaj: 1/293-294 & Nihayah al-Muhtaj: 1/356.

1. Tempoh *an-naqâ'* dan darah keluar tidak melebihi tempoh maksima haid (15 hari 15 malam).
2. *An-naqâ'* berlaku di tengah antara darah-darah haid yang keluar.
3. Keseluruhan jumlah darah-darah yang keluar tidak kurang daripada tempoh minima haid (24 jam).

Oleh itu menurut pendapat ini, sekiranya seorang perempuan mendapati darah pada satu ketika dan mendapati darah berhenti mengalir/keluar dan tiada kesan darah (*naqâ'*), serta ciri-cirinya menepati syarat-syarat tersebut di atas, maka sepanjang-panjang masa darah keluar, terhenti dan keluar lagi itu adalah dikira haid.

### **Pendapat Kedua:**

*An-naqâ'* (darah berhenti mengalir dan tiada kesan darah) yang berlaku dalam pertengahan darah haid keluar itu adalah dikira suci. Pendapat ini dinamakan sebagai *qaul al-laqth* dan *qaul at-talfiq*.

Manakala sekiranya *an-naqâ'* berlaku di penghujung (bukan di pertengahan) tempoh darah haid keluar, maka darah terhenti itu dikira suci.<sup>15</sup>

Daripada kedua-dua pendapat di atas, menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah*, sah hukumnya puasa, sembahyang, iktikaf dan selainnya (seperti tawaf) yang dilakukan dalam tempoh *an-naqâ'* yang berlaku di pertengahan darah haid keluar bagi sesiapa yang berpegang kepada *qaul at-talfiq*. Manakala batal ibadat yang dilakukan dan wajib menqadha puasa dan tawaf wajib bagi sesiapa yang berpegang kepada *qaul as-sahb*.<sup>16</sup>

---

<sup>15</sup> Hawâsyi asy-Syarwâni wa Ibn Qâsim al-‘Abâdi: 1/484, Nihayah al-Muhtaj: 1/356, Mughni al-Muhtaj: 1/293-294, al-Iqnâ': 1/131 & al-Muhadzdab: 1/88.

<sup>16</sup> Al-Majmû': 2/466.

Oleh itu, sebagaimana yang telah diterangkan dalam kitab-kitab fiqh asy-Syafi'i seperti Hawâsyi asy-Syarwâni wa Ibn Qâsim al-'Abâdi, Nihayah al-Muhtaj, Mughni al-Muhtaj, al-Iqnâ' dan al-Majmû' iaitu *an-naqâ'* (darah berhenti mengalir dan tiada kesan darah) yang berlaku dalam pertengahan darah haid keluar; sama ada darah haid itu keluar tempoh minima iaitu 24 jam atau sehingga tempoh maksima iaitu 15 hari 15 malam, maka *an-naqâ'* (darah berhenti dan tiada kesan darah) adalah dikira haid dan batal ibadah seperti tawaf yang dilakukan dalam tempoh *an-naqâ'* itu jika berpegang kepada *qaул as-sahب*.

Sebaliknya, *an-naqâ'* (darah berhenti dan tiada kesan darah) adalah dikira suci dan sah ibadah seperti tawaf yang dilakukan dalam tempoh *an-naqâ'* itu jika berpegang kepada *qaул at-talfiq* tanpa mensyaratkan tempoh *an-naqâ'* itu 24 jam.

## 6. Hukum Melakukan Tawaf *Ifadhab* Dalam Keadaan Haid

Menurut para ulama dalam mazhab asy-Syafi'i, hukum melakukan tawaf dalam keadaan berhadats atau ada padanya najis pada baju, badan atau tempat tawaf yang dilaluinya adalah tidak sah.<sup>17</sup> Perkara ini adalah berdasarkan hadits daripada Sayyidatina 'Âisyah *radhiyallahu anha*, sesungguhnya beliau berkata:

قَدِمْتُ مَكَّةَ وَأَنَا حَائِضٌ، وَلَمْ أَطْفُ بِالْبَيْتِ وَلَا بَيْنَ الصَّفَّا وَالْمَرْوَةِ.  
قَالَتْ: فَشَكُوتُ ذَلِكَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: افْعُلِي كَمَا يَفْعَلُ الْحَاجُ  
غَيْرَ أَنْ لَا تَطْوِي بِالْبَيْتِ حَتَّى تَطْهُرِي.<sup>18</sup>

**Maksudnya:** *Saya telah sampai ke Makkah dan saya dalam keadaan haid, saya tidak melakukan tawaf di Baitullah dan tidak juga (sa'ie) antara Bukit Shafa dan Marwah. Beliau berkata: Maka saya telah mengadu tentang itu*

<sup>17</sup> Nihayah al-Muhtaj: 3/278 & Hasyiyatan Qalyubi wa 'Umairah, 2/131.

<sup>18</sup> Shahih al-Bukhari. Kitab al-Hajj. Bab: Taqdhi al-Ha'idh al-Manasik Kullaha Illa ath-Thawaf bil Bait, wa Idza Sa'a 'ala Ghair Wudhu baina ash-Shafa wa al-Marwah: 1650.

*kepada Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam. Baginda bersabda: Lakukanlah sepetimana yang dilakukan oleh orang yang mengerjakan haji tetapi jangan engkau tawaf di Baitullah sehingga engkau suci.*

Menurut Imam Ibn Hajar al-‘Asqalâni Rahimahullah, hadits di atas menunjukkan larangan perempuan haid melakukan tawaf sehingga darahnya terhenti dan melakukan mandi hadats. Larangan dalam melakukan sesuatu ibadat menunjukkan rosaknya ibadat yang dilakukan itu; dan itu bererti batal tawaf yang dilakukan oleh perempuan haid.<sup>19</sup>

Untuk lebih jelas lagi, berikut adalah syarat-syarat tawaf yang wajib dipenuhi sebagaimana yang disebutkan dalam kitab-kitab fiqh seperti al-Majmu‘ syarh al-Muhadzdzab, Mughni al-Muhtaj, I‘anah ath-Thalibin dan al-Mu‘tamad agar tawaf yang dilaksanakan itu dihukumkan sah menurut syara‘:<sup>20</sup>

- i) Menutup aurat sepetimana menutup aurat di dalam sembahyang.
- ii) Suci daripada hadats kecil dan hadats besar serta suci pada pakaian, badan dan tempat tawaf daripada najis. Ini kerana tawaf di *Baitullahil Haram* adalah juga seperti sembahyang sebagaimana yang dikhabarkan oleh Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam*:

إِنَّ الطَّوَافَ بِالْبَيْتِ مِثْلُ الصَّلَاةِ، إِلَّا أَنْكُمْ تَكَلَّمُونَ، فَمَنْ تَكَلَّمَ فَلَا يَتَكَلَّمُ إِلَّا بِخَيْرٍ<sup>21</sup>

**Maksudnya:** Sesungguhnya tawaf di *Baitullahil Haram* itu adalah seperti sembahyang, kecuali (pada ketika tawaf) kamu (boleh) berkata-kata. Maka

<sup>19</sup> Fath al-Bâri: 4/314.

<sup>20</sup> Majmu‘ syarh al-Muhadzdzab, 8/16, Mughni al-Muhtaj, 1/652, I‘anah ath-Thalibin, 2/459 & al-Mu‘tamad, 2/434.

<sup>21</sup> Al-Mustadrak ‘ala ash-Shahihain. Kitab ash-Shaum: Awwal Kitab al-Manasik: 1687

*barangsiapa yang berkata-kata, janganlah dia berkata-kata melainkan dengan (kata-kata yang) baik.*

- iii) Sentiasa menghalakan bahu kiri ke arah Ka‘bah sepanjang melakukan tawaf.
- iv) Memulakan tawaf daripada penjuru *Hajar al-Aswad* ataupun setentangan dengan penjuru *Hajar al-Aswad*. Apabila memulakan tawaf, hendaklah keseluruhan badan orang yang tawaf, yakni pada bahagian bahu kiri, bersetentangan dengan penjuru *Hajar al-Aswad* dan tidak boleh mana-mana anggota badannya itu terkedepan daripada penjuru *Hajar al-Aswad*.
- v) Melakukan 7 kali pusingan tawaf yang sempurna dengan yakin. Bermula satu pusingan tawaf yang sempurna daripada penjuru *Hajar al-Aswad* dan berakhir pada penjuru *Hajar al-Aswad* itu juga.
- vi) Dilakukan di dalam Masjidil Haram di sekeliling Ka‘bah dan di luar daripada asy-Syadzarwan dan *al-Hijr* (Hijir Ismail). Tidak memadai tawaf seseorang itu melainkan mengelilingi keseluruhan Ka‘bah, sama ada tawaf dilaksanakan dengan jarak yang berhampiran dengan Ka‘bah ataupun jauh sedikit daripadanya, selama mana ia dikerjakan di dalam lingkungan Masjidil Haram. Hukum tawaf tetap sah walaupun terdapat halangan atau hadangan (*ha’il*) di antara orang yang tawaf itu dengan Ka‘bah, seperti mimbar, tiang atau telaga Zamzam.

Demikian juga adalah sah melakukan tawaf dari atas atap Masjidil Haram, menurut pendapat *al-mu’tamad*, kerana ruang di atas masjid mengambil hukum sepertimana hukum masjid. Namun tidak sah tawaf yang dilakukan pada Ka‘bah (berjalan di atas asy-Syadzarwan dan *al-Hijr* (Hijir Ismail) kerana keduanya adalah sebahagian daripada Ka‘bah), di atas Ka‘bah ataupun dalam Ka‘bah.

- vii) Niat tawaf jika tawaf yang dilakukan bukan termasuk dalam nusuk haji atau umrah seperti tawaf nazar dan tawaf sunat. Jika tawaf yang dilakukan adalah sebahagian daripada nusuk haji atau umrah, maka hukum berniat tawaf adalah sunat.
- viii) Tujuan adalah semata-mata untuk tawaf dan bukan selainnya seperti mencari pemberi hutang.

Berdasarkan kepada syarat-syarat tawaf di atas, jelas menunjukkan bahawa seseorang yang hendak melakukan tawaf hendaklah suci daripada hadats kecil dan besar. Oleh itu, bagi jemaah haji wanita yang dalam keadaan haid ketika masih dalam ihram, mereka adalah terhalang melaksanakan tawaf *ifadhah* sehingga mereka dalam keadaan suci daripada haid berkenaan. Ini bererti, wanita berihram yang datang haid hendaklah bersabar menunggu haidnya berhenti. Jika haidnya berhenti, maka bolehlah dia melaksanakan tawaf *ifadhah* bagi menyempurnakan ibadat hajinya.

## **7. Beberapa Pendapat Ulama: Cara Pelaksanaan Tawaf *Ifadhah* Bagi Wanita Haid Yang Terpaksa Balik Ke Tanah Air**

Bagi jemaah haji wanita yang kedatangan haid, mereka hendaklah memastikan keadaan mereka adalah suci daripada hadats besar sebelum melakukan tawaf *ifadhah*. Walau bagaimanapun, untuk menunggu tempoh waktu suci daripada haid itu kadang-kadang memerlukan beberapa hari sehingga ada jemaah haji wanita tersebut terpaksa pulang ke tanah air menurut jadual penerbangannya, dan ini boleh menjelaskan kesempurnaan ibadat haji kerana tawaf *ifadhahnya* yang menjadi rukun kepada ibadat haji itu belum lagi terlaksana. Dalam waktu yang sama, wanita tersebut juga masih dalam keadaan ihram haji kerana belum bertahallul *tsani* (tahallul kedua).

Menurut pendapat para ulama dalam mazhab asy-Syafi'i, jika perempuan haid yang belum melaksanakan tawaf *ifadhah* itu terpaksa juga meninggalkan

Makkah bersama rombongannya kerana ketiadaan *nafaqah* (perbelanjaan) atau takut terjadi sesuatu pada dirinya, maka bolehlah dia pergi bersama rombongannya itu tanpa melaksanakan tawafnya. Jika dia tiba pada suatu tempat yang dia yakin tidak dapat kembali semula ke Makkah kerana ditakuti akan terjadi sesuatu kemudharatan ke atas dirinya, maka ketika itu dan di tempat itu, dia bolehlah bertahallul bagi melepaskan diri dari perkara yang diharamkan semasa berihram kerana dia dihukumkan sama dengan kedudukan orang *muhshar* (orang yang sedang ihram haji atau umrah tetapi terhalang untuk menyempurnakan rukun-rukunnya).<sup>22</sup>

Adapun cara bertahallul orang *muhshar* itu ialah:<sup>23</sup>

- Dia hendaklah menyembelih seekor kambing (seperti syarat korban) di tempat di mana dia terhalang dengan berniat *tahallul* (keluar dari ihram mengerjakan haji). Kemudian dia hendaklah bercukur dengan berniat *tahallul* juga (keluar dari ihram mengerjakan haji). Daging sembelihan itu hendaklah diagihkan kepada fakir miskin di tempat di mana dia terhalang itu.
- Jika dia tidak mendapat kambing, maka menurut *qaul al-azhhar* boleh digantikan dengan memberi makanan (beras atau gandum) berdasarkan nilai harga seekor kambing dan tidak boleh baginya untuk bertahallul kecuali setelah dia memberi makanan.
- Jika dia tidak mampu juga, maka dia hendaklah berpuasa satu hari bagi setiap secupuk makanan tersebut dan dia boleh bertahallul dengan segera menurut *qaul al-azhhar* (tanpa menunggu melakukan puasa terlebih dahulu).

Ini bererti, apabila jemaah haji wanita yang kedatangan haid itu tiba di tempat di mana dia yakin tidak mungkin lagi kembali semula ke Makkah kerana ditakuti kemudharatan akan berlaku pada dirinya atau hartanya, maka dia

---

<sup>22</sup> Hasyiah Ibn Hajar ‘Ala al-Idhah: 387-388 & Nihayah al-Muhtaj: 3/279 & 317 & Fath al-‘Allam: 4/304.

<sup>23</sup> Mughni al-Muhtaj 1/717-718, al-Majmu‘: 8/293-296 dan Hasyiah Ibn Hajar ‘Ala al-Idhah: 548-549.

haruslah bertahallul mengikut cara *tahallul* orang muhshar seperti di atas bagi melepaskan dirinya daripada baki larangan ihram iaitu jimak dan akad nikah.

Dengan berbuat demikian, maka halallah ke atasnya ke semua pantang larang dalam ihram. Akan tetapi tawaf *ifadhah* itu masih lagi tertanggung ke atas dirinya apabila ihramnya itu ihram haji fardhu sehinggalah dia kembali semula ke Makkah untuk melaksanakannya apabila berkemampuan. Jika dia hendak melakukan tawaf *ifadhah* tersebut, dia dikehendaki berihram haji untuk melakukan tawaf sahaja tanpa melakukan manasik-manasik haji yang telah dilakukannya sebelum itu seperti wuqf dan lain-lain. Menurut pendapat yang *aqrab* (lebih dekat kepada asal mazhab) bahawa tuntutan untuk kembali melakukan tawaf *ifadhah* itu bukanlah berbentuk tuntutan yang mesti disegerakan. Sekiranya dia meninggal dunia sebelum sempat menyempurnakannya, maka orang yang hidup hendaklah melakukannya bagi pihak dirinya jika menepati syarat; iaitu jika semasa hidupnya dia mampu untuk kembali tetapi dia tidak melakukannya dan hendaklah harta peninggalannya cukup untuk membayar upah orang yang mengerjakannya bagi pihak dirinya.<sup>24</sup>

Daripada perkataan ulama di atas, dapat difahami bahawa jika jemaah haji wanita yang kedatangan haid itu balik ke tanah air tanpa melakukan tawaf *ifadhah* manasik haji fardhunya, maka tawaf tersebut akan tetap tertanggung ke atas dirinya sama ada dia melakukan *tahallul muhsar* ataupun sebaliknya. Jika dia melakukan *tahallul muhsar* apabila sampai ke tanah air, kerana dia yakin tidak dapat kembali semula ke Makkah kerana takut akan terjadi sesuatu kemudaran ke atas dirinya, maka dia telah keluar daripada ihram hajinya dan terlepaslah dia daripada baki larangan ihram iaitu jimak dan akad nikah. Dalam hal ini, apabila dia balik semula ke Makkah untuk melakukan tawaf *ifadhah* bagi menyempurnakan manasik hajinya, dia hendaklah berihram haji untuk melakukan tawaf dan sa‘ie sahaja tanpa melakukan manasik-manasik haji yang telah dilakukannya sebelum itu seperti wuqf dan lain-lain. Jika dia tidak melakukan *tahallul muhsar* apabila sampai ke tanah air, kerana dia yakin dapat kembali semula ke Makkah tanpa menimbulkan apa-apa kemudaran

---

<sup>24</sup> Hasyiyah Ibnu Hajar ‘ala al-Îdhâh: 388 & ihayah al-Muhtaj: 3/279 & 317 & Fath al-‘Allam: 4/304.

ke atas dirinya, maka dia masih dalam keadaan berihram haji. Dalam hal ini, dia hendaklah menjaga larangan ihramnya iaitu jimak dan akad nikah sehingga dia balik semula ke Makkah untuk melaksanakan tawaf *ifadhah* dan sa‘ienya. Dengan demikian, terhasilah *tahallul tsaninya* dan sempurnalah manasik hajinya.

Namun bagi mengelak berkekalan menanggung tawaf rukun yang ditinggalkan oleh jemaah haji wanita yang balik ke tanah air kerana kedatangan haid itu, Imam Ibnu Hajar al-Haitami *Rahimahullah* menyebutkan dalam kitab Hasyiyah Ibnu Hajar ‘ala al-Îdhah boleh bertaqlid kepada pendapat yang mengatakan bahawa sah tawaf yang dilakukan oleh perempuan yang dalam keadaan haid. Menurut beliau dalam Tuhfah al-Muhtâj, bertaqlid kepada pendapat tersebut adalah langkah yang lebih selamat bagi menghindari daripada menanggung tawaf rukun yang ditinggalkan. Dengan demikian, perempuan yang datang haid boleh melakukan tawaf sebelum dia kembali ke tanah airnya.<sup>25</sup>

Dalam hal ini, Imam ar-Ramli *Rahimahullah* menyebutkan bahawa seorang perempuan bermazhab asy-Syâfi‘i boleh bertaqlid kepada pendapat Imam Abu Hanifah atau Imam Ahmad (dalam satu riwayat) yang mengatakan perempuan haid hendaklah membalut tempat keluar haid (supaya tidak keluar darah haid seperti menitis dan sebagainya) kemudian dia melakukan tawaf dan seterusnya menyembelih *badanah* (unta atau lembu). Walau bagaimanapun, dia tetap berdosa kerana masuk ke masjid dalam keadaan haid. Namun, tawaf yang dilakukannya itu adalah dikira tertunai, kerana untuk berkekalan dalam keadaan ihram itu adalah satu *masyaqqah* (kesusahan).<sup>26</sup>

Di samping itu, Imam Ibnu Hajar Rahimahullah juga menyebutkan bahawa jika perempuan yang datang haid itu dapat menahan haidnya dengan menggunakan ubat atau haidnya terhenti seketika bukan kerana ubat, maka

---

<sup>25</sup> Hawâsyi asy-Syarwâni wa Ibn Qâsim al-‘Abâdi: 4/92 & Hasyiyah Ibnu Hajar ‘ala al-Îdhâh: 388.

<sup>26</sup> Nihayah al-Muhtaj: 3/317 & Fath al-‘Allam: 4/304

dalam keadaan tersebut, bolehlah dia mandi hadas dan pergi melakukan tawaf, sekalipun darah haidnya kembali datang semula selepas musafir. Ini adalah salah satu dari dua pendapat Imam asy-Syafi'i dalam perkara perempuan yang datang haid di mana darahnya berhenti sehari lepas sehari. Maka hari di mana darahnya berhenti itu adalah dikira sebagai hari suci. Perempuan itu boleh beramal dan memakai pendapat ini yang dikenali sebagai *qaul at-talfiq* yang ditarjih oleh satu kumpulan ulama Syafi'i. Pendapat ini juga bersetuju dengan mazhab Imam Malik dan Imam Ahmad *Rahimahumallah* bahawa pada hari berhenti darah itu adalah diiktibarkan suci, jadi ketika haid berhenti, maka perempuan itu mandi dan pergi tawaf, maka dengan itu selesai dan sempurna ibadat hajinya.<sup>27</sup>

Begitulah beberapa pendapat para ulama mengenai kedudukan tawaf *Ifadhah* bagi jemaah haji wanita yang dalam keadaan haid yang mempunyai waktu terbatas untuk menunggu tempoh suci mereka, disebabkan oleh penjadualan khusus untuk pulang ke tanah air bersama rombongan telahpun ditetapkan awal.

## 8. Kesimpulan

Adalah penting bagi jemaah haji wanita untuk menyegerakan pelaksanaan tawaf *ifadhah* ketika masih waktu suci tanpa berlengah-lengah apabila telah masuk waktunya. Ini adalah kerana kedatangan haid ketika menunaikan ibadat haji adalah sesuatu yang tidak diduga walaupun usaha untuk menahannya keluar telahpun dilakukan dengan perancangan yang teratur. Perkara ini sering menimbulkan kerisauan jemaah haji perempuan terutama sekali jika kedatangan haid tersebut boleh menghalang mereka daripada melaksanakan tawaf *ifadhah* bagi menyempurnakan ibadat haji mereka. Perasaan gelisah akan semakin meningkat apabila waktu untuk pulang ke tanah air semakin dekat kerana keadaan mereka yang masih berterusan dalam keadaan berhadats besar.

---

<sup>27</sup> Hasyiyah Ibnu Hajar 'ala al-Îdhâh: 387-388.

Dalam hal ini, jemaah haji wanita yang belum melaksanakan tawaf *ifadhab* kerana kedatangan haid hendaklah merujuk permasalahan yang dihadapi itu kepada pihak pengurusan bagi mengetahui sama ada tarikh penerbangan balik itu boleh ditukar atau masih mengikut tarikh yang telah ditetapkan. Perkara ini perlu diketahui dengan jelas supaya jalan keluar kepada permasalahan tersebut dapat dikenalpasti dengan baik sesuai dengan kehendak syara'.

Sekiranya tarikh penjadualan balik itu dapat ditukar, maka jemaah haji wanita itu hendaklah menunggu sehingga haidnya kering dan seterusnya suci daripada hadats besar. Setelah itu, dia boleh melaksanakan tawaf *ifadhab* diikuti dengan sa'ie. Dengan demikian, terhasillah *tahallul tsani* dan sempurnalah manasik hajinya.

Sekiranya tarikh penjadualan balik itu masih mengikut tarikh yang telah ditetapkan awal, maka dalam keterbatasan waktu yang ada itu, wanita tersebut bolehlah melihat kepada keadaan keluar darah haidnya, sama ada darah itu keluar secara terputus-putus atau secara berterusan. Pemerhatian itu perlu dilakukan bagi memilih jalan keluar yang sebaiknya dengan berpandukan kepada pendapat para ulama di atas, di mana dapat disimpulkan seperti berikut;

1. Jika keadaan keluar haid itu secara terputus-putus yakni ada waktu darah keluar dan ada waktu darah berhenti mengalir kemudian keluar lagi, namun keluarnya itu masih dalam pertengahan tempoh haid, maka wanita ini boleh beramal dan berpegang kepada *qaul at-talfiq* yang mengatakan bahawa pada waktu darah berhenti mengalir ketika dalam pertengahan tempoh haid itu adalah dikira suci. Maka pada waktu itu, wanita tersebut boleh mandi dan melakukan tawaf dan seterusnya sa'ie. Dengan demikian, terhasillah *tahallul tsani* dan sempurnalah ibadat hajinya.
2. Jika keadaan keluar haid itu masih juga secara berterusan, walaupun sudah berusaha untuk menahannya, maka bolehlah memilih salah satu langkah di bawah ini:

**Langkah Pertama:** Sebagaimana yang disarankan oleh beberapa ulama asy-Syafi'i, wanita ini boleh bertaqlid kepada pendapat Imam Abu Hanifah atau pendapat pada satu riwayat Imam Ahmad yang mengatakan perempuan yang datang haid itu hendaklah membalut tempat keluar haid supaya tidak keluar darah haid seperti menitis dan sebagainya kemudian dia melakukan tawaf dan dia menyembelih *badanah* iaitu unta atau lembu. Dalam hal ini, dia tetap berdosa kerana masuk ke masjid dalam keadaan haid. Walau bagaimanapun tawaf yang dilakukannya itu adalah dikira tertunai. Dengan demikian, terhasillah *tahallul tsani* dan sempurnalah ibadat hajinya sebelum balik ke tanah air.

## ATAU

**Langkah Kedua:** Jemaah haji wanita yang haid itu boleh balik ke tanah air bersama rombongannya tanpa melakukan tawaf *ifadhah*. Namun tawaf *ifadhah* yang ditinggalkan itu masih tertanggung ke atas dirinya sehinggalah dia berkemampuan kembali semula ke Makkah untuk melaksanakannya bagi menyempurnakan manasik haji fardhunya. Apabila berada di tanah air, jemaah haji wanita berkenaan boleh memilih sama ada untuk melakukan *tahallul muhsar* atau sebaliknya mengikut keadaan yang dihadapinya.

- ❖ Wanita tersebut melakukan *tahallul muhsar* di tanah air kerana dia yakin tidak dapat kembali semula ke Makkah disebabkan takut terjadi sesuatu kemudaratian ke atas dirinya dan untuk melepaskan dirinya daripada larangan ihram haji. Dalam hal ini, dia keluar dari ihram hajinya dan terlepaslah dia dari baki larangan ihramnya. Jika dia hendak melakukan tawaf *ifadhah* yang ditanggungnya itu, maka dia hendaklah berihram haji untuk melakukan tawaf dan sa'ie sahaja tanpa melakukan manasik-manasik haji yang telah dilakukannya sebelum itu seperti wuquf dan lain-lain.

- ❖ Wanita tersebut tidak melakukan *tahallul muhsar* kerana dia yakin boleh kembali semula ke Makkah tanpa menimbulkan apa-apa kemudaratannya ke atas dirinya dan dia boleh menjaga larangan ihram iaitu akad nikah dan jimak. Maka dalam hal ini, dia kekal dalam keadaan berihram haji tanpa melakukan *tahallul muhsar* di tanah air. Dia hanya akan keluar daripada ihram hajinya apabila dia kembali semula ke Makkah untuk melaksanakan tawaf *ifadhah* dan sa'ienya bagi menyempurnakan *tahallul tsani* dan manasik hajinya.

Begitulah jalan keluar yang boleh diikuti oleh jemaah haji wanita yang berhalangan untuk melakukan tawaf *ifadhah* kerana masih dalam keadaan haid. Walaupun kedatangan haid ini merupakan cabaran utama bagi jemaah haji wanita ketika hendak melaksanakan tawaf *ifadhah*, namun jalan keluar daripada perkara ini telahpun diberikan oleh para ulama dan pilihan adalah terletak kepada wanita berkenaan sama ada untuk melaksanakan tawaf *ifadhah* bagi menyempurnakan manasik hajinya sebelum balik ke tanahair atau menangguhkan pelaksanaan tawaf dan sa'ienya sehingga dia berkemampuan untuk pulang semula ke Mekkah bagi menyempurnakan ibadah haji fardhunya.

## 9. Cadangan

Bagi memudahkan perjalanan manasik haji yang dilaksanakan oleh wanita yang dalam keadaan keluar haid secara berterusan itu dapat ditunaikan dengan sempurna sebelum pulang ke tanah air, seeloknya jemaah haji wanita yang masih mempunyai kitaran haid sama ada secara teratur atau sebaliknya, dapat bersedia terlebih awal untuk menyediakan sejumlah wang yang bersamaan dengan harga seekor unta atau lembu bagi urusan pembayaran dam.

Penyediaan wang tersebut perlu diterangkan sebelum bertolak ke Tanah Suci supaya para jemaah haji wanita jelas dan maklum mengenainya yang wang tersebut adalah sebagai salah satu cara untuk menghindari *masyaqqah*

(kesukaran) supaya tidak menanggung kewajipan rukun tawaf jika berlaku kedatangan haid secara berterusan.

Langkah penyediaan wang tersebut juga adalah satu usaha bagi meringankan beban kerisauan jemaah haji wanita sekiranya mereka berada dalam situasi tersebut kerana kedatangan haid boleh sahaja berlaku walaupun usaha untuk menahan darah tersebut daripada keluar sudah dilakukan dengan teratur. Oleh itu, persediaan wang ringgit tersebut sekurang-kurangnya boleh menghilangkan kerisauan mereka dari segi belanja pembayaran dam apabila bertaqlid kepada pendapat Imam Abu Hanifah atau pendapat satu riwayat Imam Ahmad dalam pelaksanaan tawaf *ifadahah* ketika masih dalam keadaan berhadats besar.

Dengan adanya cadangan ini, ia akan dapat memberi ketenangan dan kelegaan kepada jemaah haji wanita yang mengalami haid yang berterusan di samping memanjatkan rasa kesyukuran kerana dapat mengharungi cabaran yang dihadapi dengan pilihan jalan keluar yang selamat bagi menyelesaikan manasik haji fardhu mereka dengan sempurnanya sebelum balik ke tanah air. Dengan demikian, pelaksanaan dam dapat dilakukan dengan mudah tanpa menimbulkan sebarang *masyaqqa*h ke atas dirinya.

وَاللّٰهُ وَلِي التَّوْفِيقُ

## Rujukan

Al-Quran al-Karim

Abu Daud, Sulaiman bin al-Asy‘ats as-Sijistani. Sunan Abu Daud. 1420H/1999M. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Bakri, Abu Bakr ibn Muhamad Syaththa ad-Dimyathi. Hasyiyah I‘anah ath-Thalibin. 1422H/2001M. Beirut: Dar ‘Ihya at-Turath al-‘Arabi.

Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad ibn Ismail al-Ja‘fi. *Sahih Al-Bukhari*. 1414H/1993M. Damsyik. Dar Ibn Kathir.

Al-Mawsu’ah al-Islamiyyah al-‘Ammah, 2001, Wizarah al-Awqaf: al-Qaherah.

Al-Hakim, Imam Abu Abdullah Muhammad bin Abdullah an-Nisaburi. al-Mustadrak ‘ala ash-shahihain. Beirut. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ibn Hajar, Syihabuddin Ahmad bin Muhammad al-Haitami. Hasyiah Ibn Hajar ‘ala Syarh al-Idhah Fi Manasik al-Hajj li Imam an-Nawawi. Beirut: Dar al-Hadits.

Ibn Hajar, Syihabuddin Ahmad bin Muhammad al-Haitami. Tuhfah al-Muhtaj bi Syarh al-Minhaj. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ibn Hajar, Ahmad bin ‘Ali al-‘Asqalani. 1416H/1996M. Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Jardani, Muhammad Abdullah. Fath al-‘Allam bi Syarh Mursyid al-Anam. 1418H/1997. Beirut: Dar Ibn Hazm.

Mushaf Brunei Darussalam Dan Terjemahannya. 2014. Brunei: Pusat Da‘wah Islamiah.Asy-Syirazi, Abu Ishaq. Al-Muhadzdzb fi Fiqh al-Imam ash-Shafi‘e. 1422H/2001M. Damsyik: Dar al-Qalam.

An-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya. Al-Majmu‘ Syarh al-Muhadzdzb. 2000. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Qalyubi, Syihabuddin Ahmad ibn Ahmad ibn Salamah & Umairah, Syihabuddin Ahmad al-Barlasi.Hasyiyatan al-Qalyubi wa ‘Umairah. 1415H / 1995M. Beirut. Dar al-Fikr.

Ar-Ramli, Syamsuddin Muhammad bin Ahmad bin Hamzah bin Syihabuddin. Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj. 2009. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Asy-Syarbini, Muhammad bin Ahmad al-Khathib. Mughni al-Muhtaj. 1998M. Beirut: Dar al-al-Kutb al-‘Ilmiyyah.

Asy-Syarbini, Muhammad bin Ahmad al-Khathib. Al-Iqna‘ fi Hall Alfazh Abi Syuja‘. 1417H/1996M. Beirut: Dar al-Khair.

Asy-Syarwani, ‘Abd al-Hamid & al-‘Abadi, Ahmad Ibn Qasim. Hawâysi asy-Syarwâni wa Ibn Qâsim al-‘Abâdi‘ala Tuhfah al-Muhtaj bi-Syarh al-Minhaj li Ibn Hajar al-Haithami. Beirut: Dar Ihya at-Turats al-‘Arabiyya.

Asy-Syirazi, Abu Ishaq. al-Muhadzdzb fi Fiqh al-Imam ash-Shafi‘i. 1417H/1996M Damsyiq: Dar al-Qalam.

Az-Zuhaili, Dr Muhammad.Al-Mu‘tamad fi al-Fiqh asy-Syafi‘i. 1436H/2015M. Damsyik: Dar al-Qalam.

Az-Zuhaili, Wahbah. Al-Fiqh al-Islamiyy wa Adillatuh. 1418H/1997M. Beirut: Dar al-Fikr, Beirut.